

Dr. M arah UMNO Pahang jaga disiplin

KUALA LUMPUR, Ahad — UMNO Pahang diarahkan menjaga disiplin dan perpaduan parti di kalangan ahli-ahli bagi mempastikan kekuatan dan kemenangan Barisan Nasional di pilihanraya umum akan datang.

Sumber-sumber yang mengetahui memberitahu, arahan berkenaan disampaikan oleh Perdana Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dalam mesyuarat Perhubungan UMNO Pahang di Jabatan Perdana Menteri di sini semalam.

Perdana Menteri membayangkan pilihanraya umum akan diadakan pada tahun 1982 atau 1983.

Mesyuarat tersebut dihadiri oleh kesemua enam belas anggota Perhubungan Negeri itu termasuk Timbalan Ketua Perhubungan, Haji Abul Abdul Rahim Abu Bakar, Menteri Luar, Tan Sri Ghazali Shafie, Menteri Kemajuan Tanah dan Wilayah, Datuk Seri Shariff Ahmad dan Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Najib bin Tun Abdul Razak.

Siap sedia

Yang lain termasuklah bekas Menteri Undang-undang, Datuk Hamzah Abu Samah, bekas Timbalan Menteri Pengangkutan, Encik Ali Shariff dan beberapa Ketua Bahagian.

Mesyuarat yang berlangsung satu setengah jam itu sebilangan besarnya membincangkan program-program parti termasuk belanjawan dan projek yang parti akan dijalankan.

Sumber itu berkata, masalah pergolakan UMNO Pahang termasuk mempertikaikan kedudukan Haji Rahim sebagai Timbalan Ketua Perhubungan dan Menteri Besar Pahang tidak langsung dibincang.

Sebelum ini terdapat laporan mengatakan bahawa kedudukan Haji Rahim sebagai Timbalan Ketua Perhubungan dan Menteri Besar akan dibangkitkan di mesyuarat itu.

Ini disebabkan segolongan Ahli Jawatankuasa Perhubungan tersebut tidak setuju Haji Rahim memegang jawatan berkenaan.

Haji Rahim ketika ditemui mengesahkan bahawa beliau masih menjadi Timbalan Ketua Perhubungan memandangkan masalah tersebut tidak dibangkitkan dalam mesyuarat berkenaan.